

AYMAN RASHDAN WONG

PALESTIN

DARI SUNGAI KE SEGARA





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

**PALESTIN:
DARI SUNGAI KE SEGARA**

AYMAN RASHDAN WONG



1013942



PALESTIN: DARI SUNGAI KE SEGARA

Hakcipta © 2025, Ayman Rashdan Wong

Diterbitkan oleh Patriots Asia Sdn. Bhd.
No. 23 & 23-1, Jalan Seri Rejang 3,
Pusat Industri Sri Rampai, Taman Sri Rampai,
53300 Kuala Lumpur, Malaysia.

www.thepatriots.store

Hak Cipta Terpelihara. Kecuali petikan-petikan pendek untuk ulasan di media massa dan akhbar bercetak, kandungan buku ini tidak dibenarkan untuk dikeluarkan semula dalam apa bentuk sekalipun selagi tidak mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan
Rekod Katalog untuk buku ini boleh didapati dari
Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-98079-4-0

Penyunting: Fatin Atikah
Pereka halaman: Hayatonnufus
Pereka kulit: Airul Fadzly

Buku ini menggunakan aksara Bembo MT Pro

Kertas yang digunakan oleh Patriots Asia Sdn. Bhd. adalah produk kitar semula jadi yang diperbuat daripada kayu yang ditanam di hutan lestari. Proses pembuatan mematuhi peraturan alam sekitar negara asal.

Dicetak dan dijilid di Malaysia oleh Firdaus Press Sdn. Bhd.

12 11 10 9 8 7 6 5 4 3





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Dedikasi

Kepada semua pejuang
pembebasan Palestin



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA


Isi Kandungan

| | |
|---|-----------|
| BAB 01: BUMI BARAKAH | 01 |
| Geografi Palestin | 01 |
| Bumi Bersejarah | 03 |
| Bumi Anbia | 09 |
| | |
| BAB 02: BANI ISRAEL | 15 |
| Dari Mesir ke Palestin | 15 |
| Negara Beraja | 22 |
| Kejatuhan Bani Israel | 26 |
| | |
| BAB 03: KORIDOR EMPAYAR | 30 |
| Pemerintahan Parsi (539-332SM) | 30 |
| Pemerintahan Yunani (332-140SM) | 34 |
| Pemerintahan Hashmonayim (140-37SM) | 37 |
| Pemerintahan Rom (37SM-395M) | 39 |
| Pemerintahan Rom Timur (395-638M) | 46 |
| | |
| BAB 04: CAHAYA ISLAM | 49 |
| Khulafa al-Rasyidin (638-661) | 49 |
| Umayyah, Abbasiyyah dan Fatimiyyah (661-1099) | 54 |



| | |
|--------------------------------------|------------|
| Pemerintahan Salibi (1099-1187) | 59 |
| Ayyubiyyah dan Mamluk (1187-1516) | 61 |
| Pemerintahan Uthmaniyyah (1516-1918) | 65 |
| BAB 05: ANCAMAN ZIONIS | 72 |
| Kelahiran Zionisme | 72 |
| Perang Dunia Pertama | 77 |
| Deklarasi Balfour | 80 |
| BAB 06: MANDAT BRITISH | 84 |
| Penjajahan Palestin | 84 |
| Kebangkitan Arab | 91 |
| Pemberontakan Yahudi | 96 |
| Pembahagian Palestin | 98 |
| BAB 07: MALAPETAKA NAKBA | 103 |
| Perang Arab-Israel Pertama | 103 |
| Garisan Hijau | 106 |
| Perjuangan Fedayeen | 111 |
| BAB 08: KEKALAHAN ARAB | 115 |
| Perang Arab-Israel Kedua | 115 |
| Perang Enam Hari | 119 |
| September Hitam | 122 |
| Perang Yom Kippur | 127 |
| Perang Lubnan | 130 |

| | |
|---------------------------------------|------------|
| BAB 09: DAWLAT FILASTIN | 134 |
| Penyelesaian Dua Negara | 134 |
| Intifada | 137 |
| Perjanjian Oslo | 140 |
| Intifada Kedua | 146 |
| Kebangkitan Hamas | 150 |
| Pelan Trump | 156 |
| Tufan Al-Aqsa | 165 |
| | |
| BAB 10: PALESTIN PASTI MERDEKA | 170 |
| Memecah Mitos-mitos | 170 |
| Pasca Tufan Al-Aqsa | 177 |
| | |
| Lampiran | 185 |
| Nota | 196 |
| Bibliografi | 200 |
| Tentang Penulis | 203 |



Bumi Palestin.



Bumi Barakah

Geografi Palestin

PALESTIN, begitulah nama yang diberikan kepada tanah di antara Sungai Jordan dengan Segara Tengah atau Laut Mediterranean (*Mediterranean Sea*) untuk masa 3,000 tahun yang lepas.

Berdasarkan ciri-ciri geografinya, Palestin boleh dibahagikan kepada empat bahagian utama.

Bahagian pertama ialah kawasan pantai Laut Mediterranean. Oleh sebab permukaan buminya yang rata, kawasan ini juga dikenali sebagai Dataran Pantai (*Coastal Plain*) atau *al-Sahl al-Sahili* (السهل الساحلي) dalam bahasa Arab.

Bahagian kedua ialah kawasan Tanah Tinggi Palestin atau *al-Murtafa'at al-Filastiniyyah* (المرتفعات الفلسطينية) yang terletak di antara Dataran Pantai dengan Lembah Sungai Jordan. Tanah tinggi ini berbukit-bukau dan dipisahkan oleh dataran Marj ibn 'Amir atau Lembah Jezreel (*Jezreel Valley*) kepada dua bahagian.

Bahagian tanah tinggi di utara dikenali sebagai *al-Jalil* (الجليل) atau *Galilee* sempena Laut Galilee atau



Tasik Tabariyyah di sebelah timurnya. Puncak tertinggi *al-Jalil* ialah Jabal al-Jarmaq atau Bukit Meron (*Mount Meron*) yang merupakan puncak tertinggi di seluruh Palestin dengan ketinggian 1,204 meter.

Bahagian tanah tinggi di selatan dikenali sebagai *al-Khalil* (الخليل) sempena bandar al-Khalil atau Hebron yang terletak dalam lingkungan kawasan itu. Ia juga dikenali sebagai *Hebron Mountains* atau *Judean Mountains* dalam bahasa Inggeris. Puncak tertinggi kawasan ini ialah Jabal Nabi Yunus dengan ketinggian 1,030 meter dan terletak pada kira-kira 5 kilometer (km) utara dari bandar al-Khalil.

Bahagian ketiga ialah tanah rendah *al-Aghwar* (الأغوار) yang juga dikenali sebagai Lembah Sungai Jordan. Lembah ini merupakan kawasan daratan terendah di dunia dengan kerendahan 212 hingga 400 meter di bawah paras laut. Laut Mati (*Dead Sea*) yang terletak di selatan Lembah Sungai Jordan ialah tasik masin terendah di dunia.

Bahagian keempat ialah Gurun Naqab (*Negev*) di selatan yang merangkumi seluruh kawasan selatan dari Bi'r as-Sab' (*Beersheba*). Kawasan ini ialah padang pasir, jadi kepadatan penduduknya adalah lebih rendah berbanding kawasan Dataran Pantai, Tanah Tinggi dan Lembah Sungai Jordan, walaupun saiznya adalah lebih besar daripada gabungan ketiga-tiga kawasan tersebut.


Seluruh kawasan Palestin ini hanya seluas kira-kira 26,000 km persegi, lebih kecil daripada Pahang dan lebih besar sedikit daripada Perak.

pertanian dilakukan pada skala besar, oleh itu Bulan Sabit Subur muncul sebagai kawasan terawal yang membangunkan pertanian dalam sejarah manusia.

Jericho di Lembah Sungai Jordan diiktiraf sebagai antara penempatan pertanian tertua dalam sejarah manusia dengan sejarahnya yang bermula pada kira-kira 11,000 tahun yang lalu pada Zaman Neolitik (Zaman Batu Baharu), ketika manusia masih menggunakan alat batu.

Pertanian membawa kepada kemunculan tamadun yang dicirikan oleh penggunaan gangsa, dan Palestin telah memasuki tamadun Zaman Gangsa pada kira-kira 3500 tahun Sebelum Masihi (SM), iaitu pada 5,500 tahun yang lalu.

Ahli-ahli sejarah menamakan tamadun yang lahir di Palestin ini sebagai tamadun Kanaan (*Canaan*). Suku-suku kaum yang hidup di Palestin pada Zaman



Bulan Sabit Subur.


Gangsa turut dinamakan sebagai orang Kanaan (*Canaanites*). Dari segi bahasa, orang Kanaan tergolong dalam rumpun Semitik (*Semitic*) seperti orang Assyria, Babylonia, Arab dan Yahudi.

Kanaan menjadi nama umum Palestin sebelum tanah itu dikenali sebagai Palestin. Nama Palestin pula dipercayai berasal daripada kaum Filistin (*Philistine*), iaitu salah satu kaum Bangsa Laut (*Sea Peoples*) yang muncul di pantai Levant pada abad ke-12 SM (tahun 1200–1101 SM).

Penempatan orang Filistin tertumpu di pantai selatan Kanaan terutamanya di Gaza, Ascalon dan Ashdod. Asal usul orang Filistin masih menjadi misteri, tetapi kawasan yang diduduki oleh mereka mula dinamakan sebagai Philistia sebelum berevolusi menjadi “Palestin”.

Antara dokumen sejarah terawal yang mengandungi perkataan Palestin ialah buku *Historia*, nukilan ahli sejarah Yunani bernama Herodotus yang hidup antara tahun 484 hingga 425 SM. Dalam buku itu, Herodotus telah menyebut tentang kawasan bernama *Palaistine* (Παλαιστίνη) yang merangkumi seluruh kawasan dari Posidium di Phoenicia (iaitu Lubnan pada hari ini) ke Pelusium di Semenanjung Sinai di Mesir.¹

Kaum-kaum Kanaan dan Filistin tidak lagi wujud pada hari ini, tetapi mereka dipercayai telah berasimilasi ke dalam orang Palestin hari ini yang berbudaya Arab. Kajian-kajian genetik juga menunjukkan orang




Peta Herodotus (Orbis terrarum Herodoti) yang dihasilkan semula oleh Steind v. J. G. Schwab (tahun 1830).

Palestin hari ini mempunyai kesinambungan genetik dengan penduduk Palestin pada Zaman Gangsa.²

Kedudukan Palestin yang strategik membolehkan Palestin menjadi pusat perdagangan Asia Barat sejak Zaman Gangsa, dan itu menjadikan Palestin sebagai rebutan kerajaan-kerajaan atau empayar-empayar besar dalam sejarah purba.

Malah, Palestin juga berfungsi sebagai laluan yang menghubungkan tiga benua, iaitu Asia, Afrika dan Eropah. Jadi barang siapa yang dapat menguasai Palestin, ia akan dapat memperluaskan kuasanya ke benua lain.

Empayar pertama yang cuba mendominasi Palestin ialah Kerajaan Mesir Purba yang diasaskan pada kira-



Lukisan mengenai orang Palestin (Kanaan) pada dinding makam pegawai Mesir Purba bernama Khnumhotep II (bertarikh kira-kira tahun 1900 Sebelum Masihi).

kira tahun 2700 SM. Oleh sebab kedudukan Mesir yang sangat dekat dengan Palestin, hubungan perdagangan antara dua tamadun ini telah terjalin pada zaman Kerajaan Lama (2700–2200 SM) Mesir.


Malah selepas kejatuhan Kerajaan Pertengahan (2100–1800 SM), Mesir telah dikuasai oleh kaum Kanaan yang dikenali sebagai Hyksos. Orang Hyksos mendirikan Dinasti ke-15 (1650–1550 SM) yang menguasai utara Mesir sehingga mereka diusir oleh Ahmose yang mengasaskan Dinasti ke-18, dinasti pertama Kerajaan Baharu (1550–1100 SM).

Orang Hyksos telah memperkenalkan kereta rata (*chariot*) yang ditarik oleh kuda kepada masyarakat Mesir. Teknologi baharu ini telah meningkatkan kecekapan ketenteraan Mesir dan membolehkan Kerajaan Baharu Mesir untuk penaklukan ke atas wilayah asing termasuk Palestin.

Mesir tidak memerintah Palestin secara langsung tetapi menjadikan penduduk Palestin sebagai vasal

yang diwajibkan untuk membayar ufti kepada kerajaan Mesir. Dalam catatan Mesir Purba, Palestin dipanggil sebagai *Djahy* dan diletakkan sebagai bahagian selatan wilayah *Retjenu*, iaitu nama Mesir bagi Levant. Pada penghujung Kerajaan Baharu, istilah *Peleset* juga digunakan selepas kemunculan kaum Filistin di Palestin.

Kekuasaan Mesir ke atas Palestin telah dicabar oleh beberapa kerajaan lain seperti Mitanni yang menguasai Mesopotamia Hulu dari tahun 1550 hingga 1260 SM. Perebutan antara Mesir dengan Mitanni ke atas Palestin telah mencetuskan Pertempuran Megiddo pada tahun 1457 SM. Mesir berjaya mengalahkan



Kekuasaan Mesir Purba (Kerajaan Baharu) ke atas Palestin.

Mitanni dalam pertempuran itu dan memaksa Mitanni untuk melupakan niatnya untuk menguasai Palestin.

Selepas kemerosotan kuasa Mitanni, Empayar Hatti (*Hittite*) dari Anatolia (Turki hari ini) juga cuba mencabar dominasi Mesir di Palestin. Namun percubaannya gagal selepas Hatti tidak berjaya mengalahkan Mesir dalam Pertempuran Kadesh pada tahun 1274 SM.

Kekuasaan Mesir ke atas Palestin tamat selepas kejatuhan Kerajaan Baharu pada sekitar tahun 1077 SM. Dengan jatuhnya Mesir, maka Palestin merdeka daripada pemerintahan kuasa-kuasa asing sehingga kedatangan Empayar Assyria dari Mesopotamia pada abad ke-8 SM (799–700 SM).

Bumi Anbia

Selain kepentingan geoekonomi dan geopolitik, Palestin juga merupakan Tanah Suci bagi tiga agama monoteisme (kepercayaan satu tuhan) utama di dunia, iaitu Islam, Kristian dan Judaisme (agama Yahudi). Palestin ialah tempat nabi-nabi dan rasul-rasul daripada tiga agama ini menerima wahyu dan mengembangkan ajaran.

Sejarah Palestin sebagai bumi nabi-nabi bermula dengan penghijrahan Nabi Ibrahim a.s. ke Palestin. Baginda juga dikenali sebagai *Abraham* oleh orang Kristian atau *Avraham* oleh orang Yahudi.

Nabi Ibrahim adalah daripada keturunan rumpun

Semitik yakni keturunan putera Nabi Nuh a.s. bernama Sam. Salasilah penuh baginda ialah Ibrahim bin Azar atau Tarakh bin Nahur bin Sarugh bin Ra'u bin Faligh bin 'Abir bin Salikh bin Arfakhshadh bin Sam bin Nuh.

Nabi Ibrahim dipercayai lahir dan membesar di Mesopotamia, di mana masyarakatnya menganut agama politeis (banyak tuhan). Namun, baginda tetap beriman kepada Tuhan Yang Satu yakni Allah SWT.

Allah SWT memerintah Nabi Ibrahim a.s. untuk berhijrah ke Palestin yang masih dikenali sebagai Kanaan pada ketika itu, seperti yang difirmankan dalam ayat 71 Surah *al-Anbiya*':


Anak saudara Nabi Ibrahim, iaitu Nabi Lut a.s.

﴿٧١﴾ وَنَجَّيْنَاهُ وَلُوطًا إِلَى الْأَرْضِ الَّتِي بَارَكْنَا فِيهَا لِلْعَالَمِينَ

Ertinya: "Dan Kami selamatkan dia dan Lut ke negeri yang Kami limpahkan berkat (barakna) padanya untuk umat manusia (al-alamin)."

juga berhijrah bersama-sama dengan baginda. Selepas tinggal di Palestin untuk beberapa tahun, Nabi Lut telah meninggalkan Palestin dan pergi ke Sadum serta 'Amurah di tebing timur Sungai Jordan. Ada pendapat yang mengatakan bahawa lokasi dua kota tersebut adalah di Laut Mati pada hari ini.

Menurut catatan kitab suci Kristian dan Yahudi, Nabi Ibrahim a.s. pernah menetap di beberapa kota di Palestin sebelum memilih Hebron sebagai tempat



Penghijrahan Nabi Ibrahim dan Nabi Lut AS dari Mesopotamia ke Palestin menurut catatan Kristian dan Yahudi.

tinggal terakhir baginda sehingga kewafatan baginda. Oleh itu, Hebron juga dikenali sebagai al-Khalil yang merujuk kepada gelaran Nabi Ibrahim, *khalilullah* (خليل الله) yang bermaksud “kesayangan Allah SWT”.

Semasa berada di Palestin, Nabi Ibrahim telah dikurniakan beberapa cahaya mata menerusi isteri baginda, iaitu Siti Hajar, Siti Sarah dan Siti Keturah. Dua orang putera baginda, iaitu Nabi Isma‘il a.s. dan Nabi Ishaq a.s. juga dilantik sebagai nabi oleh Allah SWT. Nabi Isma‘il membesar di Palestin sebelum berhijrah ke Tanah Arab manakala Nabi Ishaq kekal di Palestin.

Nabi Ishaq melahirkan Nabi Ya‘qub a.s., dan daripada jurai keturunan Nabi Ya‘qub lahir Nabi Yusuf, Musa, Harun, Dawud, Sulayman, Ilyas, Alyasa‘, Yunus, Zakaria dan Yahya. Kesemua daripada mereka

pernah hidup di Palestin kecuali Nabi Musa dan Harun yang lahir di Mesir kemudian wafat dalam perjalanan mereka ke Palestin.


Selain nabi-nabi ini yang jelas pernah hidup di Palestin, ramai ulama juga mengaitkan Nabi Dhulkifli dengan nabi dalam kitab suci Yahudi dan Kristian bernama Ezekiel, yang juga berasal daripada kalangan keturunan Nabi Ya'qub yang hidup di Palestin.

Nabi Ayub juga lazim dikaitkan dengan *Iyyob* atau *Job* dalam kitab suci Yahudi dan Kristian yang dikatakan sebagai orang Edom, iaitu keturunan Esau (seorang lagi putera Nabi Ishaq) yang hidup di kawasan Gurun Naqab di Palestin.

Daripada jurai keturunan Nabi Isma'il lahir orang Arab *'Adnani* termasuk Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Walaupun Nabi Muhammad SAW lahir dan membesar di Tanah Arab, Baginda juga pernah mengunjungi Baitulmuqaddis di Palestin semasa peristiwa Israk dan Mikraj.

Justeru, daripada 25 orang nabi yang nama mereka disebut dalam al-Quran, 17 orang daripadanya pernah menjejak tanah Palestin. Hanya Nabi Adam, Idris, Nuh, Hud, Salih, Shu'ayb, Musa dan Harun tidak diriwayatkan pernah berada di Palestin.

Sejarah Palestin sebagai bumi nabi-nabi ini seharusnya menjadi asbab untuk semua umat manusia menghormati kesuciannya dan memelihara kesejahteraannya. Namun sepanjang sejarah, kesucian



Salasilah nabi-nabi daripada jurai keturunan Nabi Ibrahim.

bumi barakah ini telah dicemari oleh manusia yang gemar melakukan kerosakan atau *fasad*.

Sejak tahun 1948, rejim Israel yang didirikan oleh orang Yahudi berfahaman Zionisme telah melakukan kezaliman secara sistematik ke atas penduduk Palestin. Penindasan, pengusiran dan pembunuhan penduduk Palestin telah berlangsung selama 76 tahun dan tidak menunjukkan tanda-tanda untuk berakhir dalam masa terdekat.

Kekejaman Israel adalah berpunca daripada kepercayaan Yahudi Zionis bahawa merekalah pemilik Palestin. Dalam naratif mereka, Palestin ialah tanah yang dijanjikan (*haaretz hamuvtakhat*) oleh Tuhan kepada orang Yahudi, dan segala tindakan mereka

untuk menguasai Palestin (termasuk membunuh musuh mereka) adalah wajar dan dibenarkan di sisi Tuhan.

Adalah menjadi tanggungjawab bersama komuniti antarabangsa untuk membebaskan Palestin daripada kezaliman ini demi memelihara kesucian bumi Palestin. Hal ini demikian kerana konflik Palestin yang telah berlangsung hampir lapan dekad bukanlah konflik antara bangsa Yahudi dengan Arab Palestin semata-mata tetapi ia juga melibatkan pencerobohan Zionis ke atas warisan tamadun dan warisan agama yang menjadi warisan sejagat.

Hari ini, Zionis bukan sahaja melakukan penghapusan kaum (*genocide*) ke atas orang Palestin, malah mereka juga cuba melakukan penghapusan budaya (*cultural genocide*) bagi memadam jejak sejarah dan identiti Palestin.

Untuk melawan naratif Zionis dan membina pemahaman yang menyeluruh terhadap konflik Palestin, kita perlu terlebih dahulu merungkai sejarah Bani Israel yang menjadi asas tuntutan Yahudi ke atas Palestin.



Bani Israel

Dari Mesir Ke Palestin

Bani Israel (بنی إسرائيل) atau *Bne Yisrael* (בני ישראל) dalam bahasa Ibrani merujuk kepada keturunan Nabi Ya'qub a.s. yang juga dikenali dengan nama Israel.

Istilah bagi Bani Israel dalam bahasa Inggeris ialah *Israelites* atau *Children of Israel* manakala istilah bagi warga Israel hari ini ialah *Israelis*.

Bangsa utama Israel hari ini ialah orang Yahudi. Walaupun orang Yahudi pada hari ini mendakwa mereka adalah berasal daripada Bani Israel, tetapi Yahudi bukanlah sinonim kepada Bani Israel.

Sumber utama tentang sejarah Bani Israel ialah kitab suci orang Yahudi atau *Tanakh*, yang juga dianggap sebagai kitab suci oleh orang Kristian dan dimuatkan dalam Alkitab (*Bible*) sebagai Kitab Perjanjian Lama (*Old Testament*). Oleh sebab kitab ini ditulis dalam bahasa Ibrani (Hebrew) pada asalnya, maka ia juga dikenali sebagai Alkitab Ibrani (*Hebrew Bible*).

Perkataan Bani Israel atau Banu Israel juga disebut sebanyak 41 kali dalam al-Quran. Kebanyakan

ayat-ayat ini merupakan ayat peringatan dan tidak menyatakan sejarah Bani Israel secara terperinci.¹

Ahli sejarah secara umumnya tidak menganggap Tanakh sebagai sumber sejarah yang sah. Hal ini demikian kerana dalam disiplin ilmu sejarah dan arkeologi, hanya sumber sezaman (*contemporary source*) boleh diguna untuk membuktikan peristiwa sejarah yang berlaku pada sesuatu zaman.

Tanakh tidak boleh dianggap sebagai sumber sezaman kerana salinan Tanakh tertua (yang ditemui setakat ini) ialah Naskhah Laut Mati (*Dead Sea Scrolls*) yang bertarikh antara tahun 150 SM hingga 70 Masihi, lebih lewat daripada sejarah Bani Israel yang berlaku antara abad ke-16 hingga abad ke-6 SM menurut Tanakh.

Walau bagaimanapun, terdapat banyak artifak sejarah yang menunjukkan wujudnya bangsa bernama Israel di bumi Palestin pada Zaman Besi (1200–600 SM). Oleh itu, ahli sejarah mengiktiraf kewujudan Bani Israel walaupun mereka tidak menerima semua kisah Bani Israel dalam Tanakh.

Orang Islam tidak harus beriman dengan Tanakh melainkan riwayat-riwayat yang telah disahkan oleh para ulama. Namun kita boleh menjadikan Tanakh sebagai sumber untuk memahami pandangan orang Yahudi dan Kristian tentang sejarah Bani Israel.

Ahli sejarah bersetuju bahawa Bani Israel berasal daripada rumpun Semitik. Fakta ini selari dengan

sumber wahyu yang mengatakan Bani Israel sebagai keturunan Nabi Ya'qub yang berasal daripada keturunan Sam, putera Nabi Nuh. Daripada nama Sam ini terbitlah istilah Semitik.

Nabi Ya'qub a.s. dianugerahkan dengan 12 orang putera. Keturunan daripada 12 orang putera baginda ini membentuk 12 suku atau *shevet* (שבט) Bani Israel iaitu Reuven, Shimon, Levi, Yehuda, Dan, Naftali, Gad, Asher, Yissachar, Zevulun, Yosef dan Binyamin.

| Nama dalam Bahasa Arab | Nama dalam Bahasa Ibrani | Nama dalam Bahasa Inggeris |
|------------------------|--------------------------|----------------------------|
| Rubil (رويين) | Reuven (ראובן) | Reuben |
| Sham'un (شمعون) | Shimon (שמעון) | Simeon |
| Lawi (لاوي) | Levi (לוי) | Levi |
| Yahudha (يهودا) | Yehuda (יהודה) | Judah |
| Dan (דן) | Dan (דן) | Dan |
| Naftali (נפתלי) | Naftali (נפתלי) | Naphtali |
| Kadh (גاد) | Gad (גד) | Gad |
| Ashir (עشير) | Asher (אשר) | Asher |
| Yishajar (ياساكر) | Yissachar (יששכר) | Issachar |
| Zafulun (زبولون) | Zevulun (זבולון) | Zebulun |
| Yusuf (يوسف) | Yosef (יוסף) | Joseph |
| Binyamin (בנימין) | Binyamin (בנימין) | Benjamin |

Dua belas orang putera Nabi Ya'qub.

Putera ke-11 Nabi Ya'qub bernama Yusuf merupakan seorang nabi dan juga putera kesayangan Nabi Ya'qub. Jadi keturunan Nabi Yusuf a.s., iaitu

PALESTIN DARI SUNGAI KE SEGARA

Dalam sejarah tamadun dunia, Palestin menjadi saksi pergolakan, kemakmuran dan kezaliman yang berlangsung beribu-ribu tahun. Buku *Palestin: Dari Sungai ke Segara* karya Ayman Rashdan Wong mengupas dengan mendalam tentang bumi barakah ini — daripada sejarah Bani Israel, pemerintahan pelbagai empayar, hingga era kegemilangan Islam di bawah Khulafa al-Rasyidin.

Setiap bab membawa pembaca menyelami isu-isu geopolitik, konflik Zionisme dan perjuangan rakyat Palestin. Bermula daripada asal usul tanah Palestin, kemunculan Zionisme, sehingga perjuangan semasa untuk membebaskan Palestin daripada penindasan yang tiada penghujung. Penulis juga membongkar mitos-mitos yang sering dipropagandakan dan menyeru kepada pemahaman yang lebih adil dan menyeluruh terhadap sejarah Palestin.

Buku ini bukan sekadar naskhah sejarah, tetapi juga seruan solidariti terhadap perjuangan Palestin menjadikan ia bacaan wajib bagi mereka yang ingin memahami akar konflik dan harapan untuk masa depan Palestin yang bebas.



RM28.00



THE PATRIOTS®

www.thepatriots.store



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA